

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**HGT 319 – Pelaksanaan Dan Aplikasi Sistem Maklumat  
Geografi**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. Jawab sekurang-kurangnya **SATU** soalan dari setiap Bahagian.

Bahagian A

1. Bincangkan kelebihan dan kekurangan penggunaan projek perintis dalam proses perancangan projek sistem maklumat geografi.

[25 markah]

2. Dengan menggunakan fakta-fakta yang relevan, bincangkan faktor-faktor penentu kepada kejayaan pelaksanaan sistem maklumat geografi dalam sektor awam dan swasta.

[25 markah]

3. Bincangkan faktor-faktor yang memberi kekangan kepada aplikasi dan pelaksanaan sistem maklumat geografi dalam kajian sosial.

[25 markah]

...2/-

Bahagian B

4. Bincangkan bagaimana sistem maklumat geografi dapat membantu dalam perancangan sistem pembangunan gunatanah bandar dengan lebih berkesan.  
[25 markah]
5. [a] Bincangkan pendekatan yang digunakan dalam mengintegrasikan sistem maklumat geografi dengan model gunatanah bandar.  
[15 markah]
- [b] Merujuk kepada contoh yang sesuai, bincangkan bagaimana sistem maklumat geografi dan permodelan ruangan boleh diaplikasikan dalam perancangan gunatanah.  
[10 markah]

Bahagian C

6. "Hampir 90% data perniagaan bersifat geografi" (Moloney dll, 1993). Bincangkan kebenaran pernyataan tersebut.  
[25 markah]
7. Bincangkan faktor-faktor penyumbang kelewatan penggunaan sistem maklumat geografi dalam sektor perniagaan.  
[25 markah]
8. Pelaksanaan sistem maklumat geografi tidak gagal kerana teknologi. Merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, bincangkan sejauhmana kebenaran pernyataan ini.  
[25 markah]
9. Merujuk kepada contoh-contoh tertentu, bincangkan sejauhmana isu data mempengaruhi pelaksanaan dan aplikasi sistem maklumat geografi.  
[25 markah]